



**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**SESI LIBAT URUS YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT BERSAMA PERTUBUHAN
SUKARELA KEBAJIKAN (PSK) DAN PERTUBUHAN BUKAN
KERAJAAN (NGO) ORANG KURANG UPAYA**

DEWAN NUR, KPWKM | 18 JULAI (SELASA) | 10.00 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan berkatNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam Program Sesi Libat Urus Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan

(PSK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi Orang Kurang Upaya.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat kerana memberi ruang kepada saya untuk menyantuni Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Kurang

Upaya, yang sentiasa dekat di hati saya. Justeru itu, pada hari ini saya merasa bangga kerana dapat hadir bersama dengan pihak PSK dan NGO yang tanpa jemu memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembangunan dan pemerksaan OKU.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Suka untuk saya maklumkan bahawa Sesi Libat Urus pada hari ini melibatkan penyertaan sebanyak 150 PSK dan NGO OKU seluruh negara. Sesi ini adalah *platform* komunikasi dua hala di antara pihak Kementerian dan NGO/PSK OKU; dan

4. Sesi ini juga akan membantu meningkatkan kefahaman berkaitan penyampaian perkhidmatan yang disediakan dan melancarkan pelaksanaan pelbagai dasar serta pelan tindakan KPWKM melalui jabatan/agensi di bawahnya dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

OBJEKTIF

5. Objektif sesi libat urus pada kali ini adalah:
 - 5.1 untuk mendapatkan input secara langsung daripada pihak NGO/PSK OKU berkaitan isu melibatkan golongan OKU;
 - 5.2 meningkatkan kefahaman berkaitan penyampaian perkhidmatan yang melibatkan OKU serta mencari

resolusi bagi permasalahan yang timbul melalui praktis dan pengalaman yang bersesuaian; dan

5.3 sebagai satu *platform* kepada NGO/PSK OKU dalam mewujudkan rangkaian kerjasama sosial dan hubungan yang ampuh dalam kalangan masyarakat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

STATISTIK PENDAFTARAN OKU

6. Sepertimana kita sedia maklum, berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008, bahawa OKU sebenarnya adalah merangkumi mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan,

boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

7. Di negara kita, OKU dikategorikan kepada 7 iaitu penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan pelbagai.
8. Sehingga akhir bulan Jun 2023, statistik pendaftaran OKU melalui sistem SMOKU, iaitu satu sistem pendaftaran OKU

yang terdapat di JPOKU, telah mencatatkan bilangan OKU berdaftar berjumlah terkumpul seramai **657,904** orang. Daripada bilangan ini, seramai **430,345** atau **65.4** peratus orang adalah OKU lelaki dan **34.6** peratus atau **227,559** adalah OKU perempuan. Sejumlah **245,916** orang atau **37.3 peratus** adalah OKU pembelajaran yang merupakan bilangan yang tertinggi yang diikuti dengan

OKU fizikal iaitu 225,040 orang. Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyumbang lebih daripada **23.7%** daripada populasi OKU di Malaysia.

HARAPAN

9. Saya juga berharap, puan-puan dan tuan-tuan dapat menyambut baik usaha pihak Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya untuk menyantuni OKU merangkumi pelbagai aspek yang dirancang seperti perkhidmatan yang ditawarkan

melalui program dan aktiviti yang menuju kepada pembangunan dan pemerksaan Orang Kurang Upaya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP

10. Saya percaya, program yang dijalankan pada hari ini akan diteruskan pelaksanaannya dengan melibatkan negeri-negeri lain di seluruh negara. Saya berharap usaha yang berterusan ini dapat membantu rakyat, serta

golongan OKU khususnya bagi mendapatkan kesamarataan hak dengan orang bukan OKU.

11. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi meluangkan masa dan memberi komitmen untuk menyertai program yang dianjurkan ini. Sekali lagi saya

amat mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua ke dalam Program ini. Semoga pihak Kementerian dan PSK/NGO yang dapat hadir pada hari ini dapat bekerja sama kerana kita semua mempunyai hasrat yang sama untuk kesejahteraan OKU melalui pembangunan dan pemerkasaan Orang Kurang Upaya

supaya hasrat untuk kemandirian mereka akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.